

MAIN ORGANISER:



OFFICIAL COLLABORATORS:



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA
جامعة المعرفة والقيم
Garden of Knowledge and Virtue

IKULLIYAH
EDUCATION



THE INTERNATIONAL COMPETITION ON SUSTAINABLE EDUCATION



20TH AUGUST 2025

TRANSFORMING EDUCATION, DRIVING INNOVATION AND
ADVANCING LIFELONG LEARNING FOR EMPOWERED WORLD

FONARAB: FORMULA PENGAJARAN NOMBOR DAN AYAT BAHASA ARAB

Syahirah Almuddin¹ & Azhani Almuddin^{*}

¹Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Negeri Sembilan,

²Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam^{*}

syahirah12@uitm.edu.my, azhani@uitm.edu.my^{*}

ABSTRAK

Kaedah pengajaran dan pembelajaran (P&P) berasaskan formula telah lama diterapkan dalam pelbagai subjek. Kaedah formula dilihat sesuai untuk diterapkan dalam P&P bahasa Arab. Khususnya bagi topik jenis ayat iaitu ayat kata kerja dan ayat kata nama, serta nombor dan bilangan, penerapan kaedah P&P yang berasaskan formula amat sesuai diterapkan. Hal ini kerana topik-topik ini memerlukan kaedah yang lebih kreatif untuk memudahkan pemahaman pelajar dengan cara yang lebih berkesan. Oleh kerana gaya pembelajaran setiap pelajar adalah berbeza-beza, maka kaedah P&P berasaskan formula dapat membantu pelajar yang cenderung ke arah gaya pembelajaran secara visual. Topik ayat kata kerja dan ayat kata nama serta nombor dan bilangan terkandung di dalam silibus subjek TAC501 Bahasa Arab Permulaan (Tahap III). Subjek ini ditawarkan kepada pelajar ijazah sarjana muda di fakulti-fakulti tertentu sebagai subjek bahasa ketiga di kampus-kampus Universiti Teknologi MARA. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti keberkesanan pengajaran topik jenis ayat iaitu ayat kata kerja dan ayat kata nama serta nombor dan bilangan bahasa Arab berasaskan formula. Kaedah tinjauan digunakan dalam kajian ini. Borang soal selidik menggunakan google form merupakan instrumen kajian ini bagi mengumpul data kajian. Data dianalisis secara deskriptif berdasarkan peratusan. Hasil maklum balas daripada pelajar menunjukkan bahawa pengajaran berasaskan formula bagi topik ayat kata kerja dan ayat kata nama serta nombor dan bilangan bahasa Arab adalah berkesan untuk diaplikasi.

Kata kunci: Formula, Pengajaran, Pembelajaran, Bahasa Arab

PENGENALAN

Kaedah pengajaran dan pembelajaran (P&P) telah berkembang dari pengajaran berpusatkan guru kepada pengajaran berpusatkan murid. Justeru kajian Saipol Barin et al., (2019) telah mencadangkan bahawa, pendekatan yang sedia ada perlu diolah semula di samping memperkenalkan pendekatan baharu yang lebih efektif bagi menghasilkan pengajaran kemahiran bahasa yang berkesan seperti penggunaan formula.

Kaedah P&P berasaskan formula telah digunakan dalam pelbagai subjek yang melibatkan topik-topik pembelajaran yang bersifat teknikal dan berstruktur seperti subjek Matematik (lihat Mann dan Enderson, 2017; Altıntaş dan Iğün, 2017; Leong, Y. H., Cheng, L. P., Toh, W. Y. K., Kaur, B., & Toh, T. L., 2020) dan Sains (lihat Stott, 2021; Zhao, F., & Schuchardt, A., 2021). Subjek bahasa juga melibatkan topik-topik yang bersifat teknikal dan berstruktur.

Topik dalam bahasa Arab seperti jenis ayat serta nombor memerlukan pendekatan yang sistematik dan mudah difahami. Bagi memudahkan proses P&P topik-topik ini, formula dilihat berupaya membantu menjelaskan struktur bahasa secara visual (pemetaan) dan tersusun.

Kaedah pembelajaran berasaskan formula ini dilihat dapat membantu gaya pembelajaran pelajar secara visual kerana ia menyokong pemahaman pelajar melalui visual atau corak yang jelas. Individu yang cenderung dengan gaya pembelajaran visual adalah mereka yang gemar dengan huruf, visual, gambar rajah dan objek maujud (Faridah Mahadi et al., 2022). Gaya pembelajaran visual akan lebih berkesan dengan bantuan teks dan gambar.

Pendekatan berasaskan formula ini menjadi lebih signifikan apabila diterapkan dalam pengajaran topik-topik yang mencabar dan berstruktur, terutamanya dalam kursus TAC501 (Bahasa Arab Permulaan tahap III) yang merupakan tahap akhir dalam pembelajaran bahasa Arab di peringkat universiti. Kursus ini ditawarkan kepada pelajar Ijazah Sarjana Muda sebagai salah satu subjek bahasa ketiga di Universiti Teknologi MARA dan tergolong dalam kategori kursus wajib universiti. Justeru, penguasaan terhadap topik-topik ini amat penting bagi memastikan pelajar dapat menamatkan kursus dengan cemerlang dan memenuhi keperluan pengijazahan. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk meneroka potensi pendekatan pengajaran berasaskan formula dalam membantu pelajar menguasai topik jenis ayat serta nombor dan bilangan dalam bahasa Arab dengan lebih sistematik. Kajian ini juga diharapkan dapat menyumbang kepada penambahbaikan strategi pengajaran bahasa Arab di peringkat universiti selaras dengan keperluan pembelajaran abad ke-21.

METODOLOGI

Kaedah tinjauan digunakan dalam kajian ini. Borang soal selidik menggunakan *google form* merupakan instrumen kajian ini bagi mengumpul data kajian. Data dianalisis secara deskriptif berdasarkan peratusan. Bilangan responden yang menjawab borang soal selidik adalah seramai 48 orang pelajar.

Berikut merupakan representasi dua formula yang digunakan dalam sesi pengajaran, iaitu (i) formula nombor dan bilangan dan (ii) formula jenis ayat. Formula-formula ini dapat digambarkan dalam gambar yang berikut:

RIBU	RATUS	PULUH	BELAS	SA
ألف	مائة	عشرة	أحد عشر	واحد
ألفان	مائتان	عشرون	اثنا عشر	اثنان
				ثلاثة
				أربعة
	مائة + ع X	ون + ع X		خمس
آلاف +			عشر +	سنة
	مائة + ع X	ون + ع X		سبعة
				ثمانية
				تسعة

Gambar 1.: Formula nombor dan bilangan

Gambar 1 di atas menunjukkan pemetaan formula bagi nombor dan bilangan bahasa Arab untuk nilai tempat sa, puluh, ratus dan ribu. Pengaplikasian formula ini memerlukan pelajar untuk mengingat dan menghafal nilai tempat sa terlebih dahulu. Tanpa hafalan nilai tempat sa, formula ini tidak dapat diaplikasi oleh pelajar.


Pada kiraan belas, hanya sebelas dan dua belas sahaja perlu kepada hafalan, manakala bagi kiraan tiga belas hingga sembilan belas, pelajar hanya perlu mengingati kiraan tiga hingga sembilan pada nilai tempat sa dan ia perlu diikuti dengan perkataan ‘asyar (عشر +). Justeru, menghasilkan kiraan nombor belas.

Namun begitu, bagi nilai tempat puluh hanya perkataan sepuluh dan dua puluh perlu dihafal oleh pelajar. Adapun, untuk kiraan tiga puluh hingga sembilan puluh pula, pelajar hanya perlu mengaplikasi formula iaitu melalui pengguguran tā’ marbūṭatt (ة X) bagi nombor tiga hingga tujuh serta sembilan pada nilai tempat sa dan diikuti dengan penambahan (ون +) di akhir kata. Namun begitu, bagi nombor lapan ia perlu kepada pengguguran huruf yā’ dan tā’ (ية X), kemudian barulah diikuti oleh penambahan (ون +).

Seterusnya, pada nilai tempat ratus hanya perkataan seratus dan dua ratus sahaja yang memerlukan kepada hafalan, untuk tiga ratus hingga sembilan ratus pengguguran huruf adalah sama seperti yang dilaksanakan pada nilai tempat puluh, namun ia memerlukan penambahan perkataan mī’att (مائة +) bagi menunjukkan kiraan ratus.

Akhir sekali, kiraan seribu dan dua ribu memerlukan hafalan pada nilai tempat ribu. Namun, bagi menghasilkan kiraan tiga ribu hingga sepuluh ribu, aplikasi formula melalui ingatan nombor tiga hingga sepuluh pada nilai tempat sa diperlukan, dan ditambah dengan perkataan آلاف bagi menunjukkan kepada nilai tempat ribu.

Bagi memastikan formula ini berkesan untuk diaplikasi, pengajaran topik ini perlu diajar secara sekaligus, tanpa membahagikan pengajaran mengikut minggu atau topik bagi setiap nilai tempat sa, puluh, ratus dan ribu. Formula ini lebih baik diajar pada topik yang pertama, manakala pada topik seterusnya hanyalah berfokuskan pada latihan. Hal ini bagi memberi ruang kepada pelajar untuk menggunakan formula yang sama berkali-kali, di samping sebagai sebahagian latih tubi bagi membantu pelajar mengingat.



Gambar 2.: Formula jenis ayat

Gambar 2 di atas menunjukkan pemetaan formula bagi jenis ayat kata kerjaan dan ayat kata namaan. ج merupakan singkatan frasa bagi الجملة الاسمية (ayat kata namaan). Ayat kata namaan dimulakan dengan kata nama (الاسم) yang diwakili oleh ا, manakala ف merujuk kepada kata kerja (الفعل). Kewujudan kata kerja dalam ayat kata namaan adalah pilihan. Namun begitu, jika ayat kata namaan mengandungi kata kerja, struktur kata kerjanya dapat dijelaskan seperti yang diperlihatkan dalam formula di atas. Pemetaan nombor pada ayat kata namaan menjelaskan bahawa struktur kata kerja akan mengikut bilangan kata nama yang mendahului ayat tersebut secara selari. Jika kata nama menunjukkan kepada bilangan tunggal, maka kata kerja yang mengikutinya juga menggunakan struktur kata kerja merujuk kepada kata ganti nama diri tunggal. Namun, jika kata nama yang terdapat di awal ayat merujuk kepada bilangan dua, maka kata kerja yang mengikutinya akan menggunakan struktur kata kerja merujuk kepada kata ganti nama diri dua. Begitu juga yang berlaku terhadap bilangan kata nama tiga orang atau lebih, kata kerja yang mengikuti kata nama tersebut perlulah menggunakan kata kerja bagi kata ganti nama diri jamak.


Adapun, ج ف merupakan singkatan frasa untuk الجملة الفعلية (ayat kata kerjaan). Struktur ayat kata kerjaan perlulah didahului oleh kata kerja dan diikuti oleh kata nama atau tanpa kata nama. Pemetaan nombor dalam ayat kata kerjaan adalah berbeza dengan ayat kata namaan. Formula di atas merepresentasikan bahawa kata kerja bagi ayat kata kerjaan akan kekal menggunakan bentuk kata kerja bagi kata ganti nama diri tunggal, walaupun bilangan kata nama merujuk kepada bilangan tunggal, dua dan jamak (tiga orang atau lebih).

Formula ini juga perlu diajarkan secara serentak bagi memperlihatkan kepada pelajar perbezaan di antara jenis ayat kata kerja dan ayat kata nama. Hal ini dapat membantu pelajar lebih memahami dan memudahkan proses mengingat.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Hasil maklum balas dari pelajar TAC501 yang telah mengaplikasi formula nombor dan bilangan serta jenis ayat semasa satu semester pembelajaran menunjukkan dapatan yang positif. Berikut perbincangan hasil data yang diperolehi.

Keberkesanan aplikasi formula terhadap pelajar:



Rajah 1.: Graf Peratusan Keberkesanan Aplikasi Formula Menurut Pelajar

Rajah di atas menunjukkan bahawa skala likert yang digunakan adalah 5 mata iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, sederhana setuju, setuju dan sangat setuju. Berdasarkan rajah 1 di atas, pelajar hanya memberikan jawapan sangat setuju, setuju dan sederhana setuju sahaja. Tiada seorang pelajar pun yang memilih jawapan tidak setuju dan sangat tidak setuju. Perincian peratusan bagi maklum balas pelajar terhadap keberkesanan aplikasi formula dapat diperlihatkan dalam jadual berikut:

Jadual 1.: Maklum balas pelajar terhadap keberkesanan aplikasi formula

NO	SOALAN MAKLUM BALAS	Sederhana setuju	Setuju	Sangat setuju
1	Penggunaan formula memudahkan saya memahami topik yang dipelajari.	-	47.9%	52.1%
2	Penggunaan formula membantu saya mengingat topik yang dipelajari.	2.1%	41.6%	56.3%
3	Penggunaan formula meringkaskan pemahaman topik yang kompleks.	2.1%	43.7%	54.2%
4	Penggunaan formula sangat membantu pelajar.	-	47.9%	52.1%
5	Penggunaan formula patut diaplikasi dalam pembelajaran bahasa.	2.1%	37.5%	60.4%

NO	SOALAN MAKLUM BALAS	Sederhana setuju	Setuju	Sangat setuju
6	Penggunaan formula menjimatkan masa ulangkaji pelajar.	2.1%	43.7%	54.2%
7	Saya sangat suka pembelajaran menggunakan formula.	2.1%	45.8%	52.1%
8	Penggunaan formula membuatkan saya lebih bersemangat mempelajari bahasa Arab.	2.1%	41.6%	56.3%
9	Penggunaan formula membolehkan saya menerangkan topik yang dipelajari kepada rakan yang lain.	4.2%	41.6%	54.2%
10	Penggunaan formula membuatkan proses pembelajaran menjadi ringkas dan padat.	2.1%	41.6%	56.3%

Berdasarkan jumlah peratusan yang direpresentasikan dalam Jadual 1 di atas jelas menunjukkan keberkesanan aplikasi formula nombor dan bilangan serta jenis ayat terhadap pelajar. Hal ini dapat dikukuhkan lagi melalui komen dan cadangan penambahbaikan yang dikemukakan oleh pelajar. Komen dan cadangan tersebut dapat diperlihatkan dalam gambar berikut:

Komen dan cadangan penambahbaikan. = - Memudahkan cara · Tiada sebab semua okey bagi saya tidak perlu penambahbaikan kerana ianya sudah cukup sempurna tiada tiada Baikkkk tiada, bagi saya ia sangat membantu	Komen dan cadangan penambahbaikan. tiada ustazah semuanya lengkap dan sempurna tiada tiada Tiada semuanya terbaik - Banyakkan lagi formula
Komen dan cadangan penambahbaikan. pendapat saya dengan penggunaan formula ini sememangnya sangat membantu dalam pembelajaran bahasa arab iniii!	Komen dan cadangan penambahbaikan. memudahkan para pelajar untuk mendapat A tiada

Gambar 3.: Komen dan cadangan penambahbaikan

Gambar 3 di atas menunjukkan senarai komen dan cadangan penambahbaikan oleh para pelajar hasil penggunaan formula nombor dan bilangan serta jenis ayat dalam sesi pengajaran subjek TAC501. Komen yang diberikan menunjukkan maklum balas yang positif dari pelajar seperti pelaksanaan formula memudahkan cara, sangat membantu, di samping memudahkan pelajar mendapat gred A bagi subjek ini. Terdapat juga cadangan untuk memperbanyakkan lagi penggunaan formula dalam sesi pengajaran subjek ini. Oleh yang demikian, maklum balas tersebut menjelaskan bahawa aplikasi formula nombor dan bilangan serta jenis ayat berkesan digunakan dalam sesi pengajaran subjek TAC501.

PEMBAHARUAN

Formula ini dibangunkan khusus untuk topik nombor dan bilangan, serta jenis ayat dengan menampilkan formulasi baharu yang bersifat asli dan inovatif. Formula ini direka khas untuk memudahkan pemahaman pelajar bagi topik yang terlibat. Ia belum diperkenalkan secara formal, menjadikannya satu pembaharuan yang signifikan dan sesuai dengan keperluan pengajaran semasa.

PENGGOMERSIALAN

Formula ini mampu dikomersialkan jika visual formula tersebut dipindahkan kepada bentuk aplikasi teknologi terkini.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan kesesuaian dan keberkesanan pendekatan berasaskan formula dalam pengajaran bahasa Arab, khususnya bagi topik yang bersifat teknikal dan berstruktur. Maka, pendekatan ini wajar diteruskan dan diperluaskan aplikasinya dalam konteks pembelajaran bahasa di peringkat institusi pengajian tinggi.

RUJUKAN

- Altıntaş E. and İlğün, S. (2017). Exploring the opinions about the concepts of “formula” and “rule” in mathematics. *Educational Research and Reviews*, 12 (19), 956-966.
- Faridah Mahadi, Mohd Razimi Husin, NurulHuda Md. Hassan (2022). Gaya pembelajaran: visual, auditori dan kinestetik. *Journal of Humanities and Social Sciences*, 4(1), 29-36.
- Leong, Y. H., Cheng, L. P., Toh, W. Y. K., Kaur, B., & Toh, T. L. (2020). “Teaching students to apply formulas using instructional materials: a case of a Singapore teacher's practice”. *Mathematics Education Research Journal*, 33, 89–111.
- Mann, M. K. & Enderson M. (2017). Give me a formula not the concept! Student preference to Mathematical problem solving. *Journal for Advancement of Marketing Education*, 25, 15-24.
- Saipolbarin Ramli, Mohammad Taufiq Abdul Ghani, Mohd Zawawi Awang Hamat. (2019). Media Interaktif Formula Pola Ayat Kata Kerja Bahasa Arab Untuk Bukan Penutur. *International Journal of Humanities, Philosophy, Language*, 2(5), 13-24.
- Stott, A. E. (2021). Correction for ‘South African physical sciences teachers’ use of formulae and proportion when answering reaction-based stoichiometry calculation questions’. *Chemistry Education Research and Practice*, 22, 443–456, DOI: 10.1039/D0RP00291G.
- Universiti Teknologi MARA. (2021). *Peraturan akademik diploma dan sarjana muda Universiti Teknologi MARA (UiTM): Pindaan 2021, bilangan 1*. Penerbitan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa).
- Zhao, F., Schuchardt, A. (2021). Development of the Sci-math Sensemaking Framework: categorizing sensemaking of mathematical equations in science. *International Journal of STEM Education*, 8(10), 1-18.